

Suara dari Tanah Suci:

Khusbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāt

Imam Besar Masjidil Haram

Al-hamduli 'Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāhibu alfaḍlu wa al-an'ām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahū lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidinā Muḥammadā 'abduhu wa rasūluhu saiyidi al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallam 'ala 'abdika warasūlika Muḥammad, wa 'ala alihi waṣaḥbihi ... amma ba'du fayā 'ibād Allāh ittaqū Allāh!

Terjemahan: Wahyu Qalam

Wahai sekalian hamba Allah,

Takutilah kamu akan Allah!

Sesungguhnya kepercayaan dan keyakinan seorang mukmin terhadap Tuhan yang menjadikannya, adalah menjadi sumber menuju ke jalan kebajikan dan menyingkap segala rahsia yang tertanam di dalam jiwa, agar supaya tidak meninggalkan kesan yang buruk, tidak menimbulkan perasaan was-was dan *wahm*, sanggup menghadapi segala pancaroba hidup di alam penderitaan dan kemiskinan, tegas menempuhi segala angkara murka zaman dan melanda pahit getir hidup dengan jiwa yang tenang dan hati yang penuh dengan kesabaran.

Setiap muslim yang jiwanya tahan diuji, hati nuraninya tahan dicabari, ia selamanya akan menjadi seorang manusia yang terpuji yang tidak akan lekas berputus asa dari rahmat Allah, tidak akan mudah terpengaruh dengan kebuasan hawa nafsu yang akan menjerumuskannya ke jurang kebinasaan. Tetapi kepercayaan dan keyakinannya kepada kekuasaan-Nya itu, akan

menambahkan perasaan khusyuk dan tawaduk kepada Allah.

Untuk menghindarkan segala penderitaan hidup yang ditanggungnya, ia tidak pernah mengharapkan pertolongan selain daripada pertolongan Allah, ia sentiasa menyerahkan dirinya bulat-bulat di bawah penjagaan Allah. Ia yakin hanya Allah sahajalah yang berkuasa melepaskan dirinya daripada segala pancaroba dan penderitaan hidup yang dialaminya kalau ia merasa terdesak di dalam menghadapi hidup yang penuh dengan onak dan ranjau itu, ia lekas-lekas berdoa mengangkat kedua belah tangannya ke langit, memohon ke hadrat Allah *'azza wa jalla*, agar segala pahit getir hidup yang sedang dihadapinya itu segera dihindarkan oleh-Nya (Allah). Ia cukup yakin dan percaya, hanya Allah sahajalah yang sanggup menghulurkan sebarang pertolongan kepadanya, hanya kepada Allah tempat memohon segala pertolongan. Ia sekali-kali tidak mahu meminta sebarang pertolongan kepada kubur para *awliyā'*, para *anbiyā'*, para Sahabat dan para syuhada yang bersifat

makhluk seperti dia. Apatah lagi meminta pertolongan kepada pohon-pohon kayu, batu-batu purba yang dianggap oleh orang-orang yang tipis imannya terhadap Allah sebagai benda-benda hikmah yang mengandungi keramat. Ia yakin dan percaya, kesemua benda-benda yang bersifat makhluk itu tidak akan memberi apa-apa kesan terhadap makhluk yang lain. Ia berpendapat setiap permintaan yang bersandarkan selain daripada Allah itu, tidak akan dapat memenuhi segala apa yang diminta oleh orang-orang yang meminta. Ia berpegang kepada firman Allah di dalam *Sūrah al-Naml* ayat (62): ***“Amman yujību al-muḍṭarra idhā da'āhu wa yakshifu al-sū'a, wa yaj'alukum khulafā' al-arḍ, a'ilahu ma'a Allāh, qalīlā mā tadhakkārūn.”*** Ertinya: “Atau siapakah yang memperkenankan permintaan orang yang menderita (melarat), bila ia meminta kepada Allah, serta dihilangkan-Nya penderitaan itu, dan dijadikan-Nya kamu khulafa' (raja) di atas muka bumi? Adakah Tuhan yang lain beserta Allah? Sedikit benar di antara kamu yang ingat akan nikmat Allah itu.”

Khutbah Jumaat . . .

Ayat di atas mengandungi suatu pertanyaan yang menyindir orang-orang yang suka meminta sesuatu pertolongan selain daripada Allah. Sewaktu mereka berada di dalam penderitaan, mereka merayu-rayu dan berdoa kepada Allah. Kemudian penderitaan yang mereka alami itu dihapuskan. Ada di antara mereka yang lantas dikurniakan kesenangan sehingga diangkat menjadi raja memerintah di muka bumi ini. Siapakah yang telah menghapuskan penderitaan yang mereka tanggung itu dan siapakah pula yang mengangkat darjat mereka, hingga mereka menjadi orang yang terhormat dan mulia di dunia ini, selain dari pertolongan Allah? Namun demikian jelasnya kekuasaan Tuhan itu, masih ada juga di antara mereka yang mahu meminta-minta kepada selain dari Allah. Orang-orang yang berkelakuan seperti itu adalah termasuk di dalam golongan mereka yang tidak mahu ingat kepada nikmat kurniaan Allah Yang Maha Besar kepada mereka.

Tetapi bagi orang-orang yang sentiasa ingat dan bersyukur kepada nikmat kurniaan Allah itu, mereka tidak pernah melupakan segala nikmat-nikmat yang telah mereka perolehi dalam setiap masa dan waktu. Mereka sentiasa reda dengan kurniaan-kurniaan Allah itu dan sebagai balasannya Allah akan meredai dan memperlipat-gandakan lagi kurniaan-kurniaan-Nya yang luas itu.

Sidang Jumaat yang mulia:

Dalam masa hayat Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* Baginda sentiasa mendidik jiwa para sahabatnya supaya tidak lali daripada

mengingati Allah, dan segala gerak langkah mereka menempuhi hidup di maya pada ini adalah semata-mata bergantung kepada Allah dan mengikuti dasar-dasar pengajaran yang telah diturunkan Allah di dalam kitab suci al-Qur’ān. Dengan adanya pendidikan jiwa yang berdasarkan ajaran-ajaran Allah, maka tertanamlah semangat pengorbanan yang tulen sejati, pengorbanan yang semata-mata untuk kepentingan agama Allah yang bersandarkan pertolongan dari Allah di dalam segenap lapangan perjuangan yang mereka laksanakan demi menghadapi suasana hidup yang penuh dengan angkara murka dan tipu daya ini.

Rasulullah di sepanjang pergaulannya dengan para sahabat sentiasa beliau memperhatikan gerak-geri mereka dengan penuh minat dan teliti. Apabila dilihatnya ada di antara mereka itu berduka nestapa dalam menempuhi masalah hidup, beliau lantas menghampirinya dengan tujuan untuk menyiasat sesuatu musykilah yang sedang dihadapinya. Kemudian sahabat yang sedang berduka itu, beliau nasihati dengan kata-kata yang meruntun jiwa, sehingga ia merasa lapang dan kembali bergembira.

Pada suatu hari Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* masuk ke dalam Masjidil Haram, maka di dalam masjid itu dilihatnya sahabat Abu Umāmah sedang duduk di sisi Kaabah dengan wajah yang muram dan sugul – pada ketika itu waktu sembahyang belum tiba – Rasulullah pun segera menghampirinya seraya bertanya akan sebab-sebab ia berdukacita itu, maka jawab Abu Umāmah: “Perasaan bingung sedang mengelembungi jiwa hamba, lantaran hamba banyak berhutang wahai Rasulullah!” Mendengar jawapan

sahabatnya itu, maka Rasulullah pun mulailah menghamburkan kata-kata nasihat yang menyalurkan jiwanya supaya jangan ragu-ragu menyerahkan segala kesulitan dirinya itu kepada Tuhan yang mengatur dan mentadbirkan segala sesuatu di maya pada yang luas ini, dan supaya hati nuraninya tidak lekas berputus asa ditekani oleh penderitaan hidup yang hanya merupakan satu ujian dari Tuhan, setakat mana perasaan sabar yang tertanam di dalam jiwa seseorang hamba yang menerima ujian itu.

Rasulullah tidak mahu melihat seseorang Islam yang lekas gelap mata dan memandang dunia ini sempit untuk meneruskan cita-cita hidup, dan beliau tidak mahu melihat seorang muslim itu di dalam keraguan menghadapi musykilah hidup yang berbagai corak, sedang musykilah-muskilah tersebut masih dapat di atasi dengan menyerahkan diri kepada Tuhan Maha Pencipta di samping berusaha dengan sepenuh tenaga untuk menghindarkannya. Bagi menenangkan fikiran sahabatnya Abu Umamah itu, maka Rasulullah lantas berkata : “Tidakkah pernah saya mengajar awak suatu doa, kalau doa itu awak baca, nescaya Allah akan menghindarkan segala perasaan bingung dan duka cita yang mengelubungi jiwamu dan segala hutang yang merunsingkan fikiran awak itu akan dihapuskan?”. “Ya, memang pernah tuan hamba mengajar doa itu kepada hamba wahai Rasulullah!” (jawab Abu Umamah).

Maka Rasulullah pun terus bersabda: **“Idhā aṣbaḥtu wa idhā amsaytu fa qul : Allāhumma innī a‘udhu bika min al-hammi wa al-ḥazan, wa a‘ūdhu bika min**

Khutbah Jumaat . . .

al-'ajzi wa al-kasal wa a'ūdhu bika min al-jubni wa al-bukhl, wa a'ūdhu bika min ghalabati al-dayna wa qahri al-rijāl.”

Maksudnya lebih kurang: “Apabila engkau berada pada waktu pagi dan petang bacalah: “Ya Allah ya Tuhan! Sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau daripada kebingungan dan dukacita, aku berlindung dengan Engkau daripada kelemahan jiwa dan kemalasan anggota, aku berlindung dengan Engkau daripada sifat bacul (penakut) dan kikir (kedekut), aku berlindung dengan Engkau daripada banyak hutang dan sifat ragu-ragu”.

Wahai sekalian kaum Muslimin!

Kitab-kitab hadith Rasulullah telah dipenuhi dengan bermacam-macam panduan dan berbagai-bagai pertunjuk untuk menjadikan jiwa seseorang muslim itu hampir kepada Tuhannya, tidak putus-putus mengingati kebesaran Allah yang menjadikannya dan tidak lupa kepada nikmat-nikmat yang telah dikurniakan-Nya. Boleh dikatakan pada setiap munasabah, pada setiap waktu diajar doa-doa yang terpilih. Pada waktu jaga ada diajarkan doanya, pada waktu tidur ada doanya, pada waktu bangun daripada tidur ada doanya, pada waktu berjalan atau musafir ada doanya, pada waktu hendak naik kenderaan ada doanya, sehingga hendak masuk dan keluar daripada tandas pun Rasulullah ada mengajarkan doanya. Semua doa-doa yang diajar oleh Baginda itu adalah bertujuan untuk melatih jiwa tiap-tiap orang muslim supaya sentiasa ingat kepada Allah dan

menyerahkan segala urusan hidupnya di bawah penjagaan Allah *subhānahu wa Ta'āla*, supaya hatinya tidak lekas terpengaruh dan tunduk di bawah kemahuan hawa nafsu yang durjana dan supaya imannya tetap menghadapi cabaran hidup di dalam sebarang masa dan keadaan dengan tenang dan sabar. Sebagaimana seseorang muslim itu telah bersih jiwanya daripada sifat-sifat durjana yang dimurkai Tuhan, maka di kala itu ia akan menjadi seseorang muslim yang sempurna imannya, tetap dan tegas pendiriannya memperjuangkan hak dan kebenaran di dalam mempertahankan kemuliaan agama Allah yang dianutinya dengan jujur dan bersungguh-sungguh.

Ketahuiilah wahai ikhwan al-muslimin! Sifat-sifat kesempurnaan ini, tak mungkin dicapai oleh seseorang muslim selagi segenap jiwa raganya masih dapat dipengaruhi oleh kebendaan, selagi segenap hati nuraninya dapat di atasi oleh kemahuan hawa nafsu dan selagi segenap fikirannya lemah daripada memikirkan kekuasaan Allah sebagai jalan yang memperdekatkan perhubungannya dengan Tuhan yang menjadikannya. Bila mana segenap jiwa, segenap hati dan segenap fikiran seseorang muslim itu jauh daripada Tuhannya, maka hidupnya akan sentiasa keluh-kesah, terjauh pula daripada mengecap nikmat hidup yang aman dan tenteram.

Sidang jemaah yang mulia:

Allah *Subhānahu wa Ta'āla* sentiasa menguji keteguhan iman seseorang muslim itu dengan dua jalan, sama ada ujian itu didatangkan-Nya dengan nikmat

kesenangan, mahu pun dengan bala kemelaratan dan kepicikan hidup. Si kaya dan si miskin kedua-duanya sentiasa berada di dalam ujian Tuhan menghadapi lapangan hidup di maya pada ini. Dengan ujian yang secara tidak langsung inilah hati dan jiwa seseorang muslim itu dapat diukur, setakat mana sifat kesabaran yang dimilikinya dan setakat mana pula keyakinan dan kepercayaannya terhadap keadilan Tuhan. Soal ini ada ditegaskan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'āla* di dalam firman-Nya di *Sūrah al-Anbiyā'* ayat (35): “*Wa nabluwakum bi al-sharri wa al-khayr fitnata wa ilaynā turja'ūn.*” Ertinya: “Kami uji kamu dengan kejahatan dan kebajikan sebagai satu percubaan dan kepada Kami kamu akan dikembalikan.”

Wahai sekalian hamba Allah!

Takutilah kamu akan Allah! Serahkanlah diri kamu kepada Allah dan gantungkanlah segenap harapan kamu kepada-Nya, Tumpukanlah segala apa yang kamu minta menerusi Allah dengan penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa hanya Allah sahajalah yang berkuasa menarik segala nikmat kesenangan yang telah diberikan-Nya kepada mereka. Bila mana Allah telah membukakan pintu rahmat-Nya kepada hamba-Nya, maka tiada seorang jua pun yang boleh menahannya, dan manakala Ia telah menutup pintu rezeki seseorang hamba-Nya, maka alamat hidup orang itu akan menempuhi penderitaan. Tiada siapa yang boleh menolong untuk melepaskan-Nya daripada jurang penderitaan itu selain daripada Allah.

Khutbah Jumaat . . .

A'ūdhu bi Allāhi min al-Shayṭāni al-rajīm

"Mā yaftaḥi Allāhu li al-nāsi min rahmatī

falā mumsika lahā. Wa mā yumsik

falā mursila lahu min ba'dihi, wa huwa

al-'azīz al-ḥakīm. Ya ayyuhā al-nās,

idhkurū ni'mata Allāhi 'alaykum, hal min

khāliqi ḡayru Allāhi yarzuqukum min al-samā'i

wa al-arḍi, lā ilāha illā huwa, fa'annā

tu'fakun." Ertinya: "Manakala Allah

membukakan pintu rahmat-Nya kepada

manusia, maka tak ada seorang juga

yang boleh menahannya, dan manakala

ditahan-Nya (rahmat itu), maka tak ada

seorang jua pun yang boleh memberikannya

kemudian daripadanya. Dia Tuhan Yang Maha

Mulia lagi Maha Bijaksana. Wahai

sekalian manusia! Ingatlah kepada nikmat

Allah yang telah dikurniakan ke atas kamu,

adakah siapa-siapa yang menjadikan selain

daripada Allah yang memberi reeki kamu

dari langit dan bumi? Tidak ada

Tuhan selain daripada-Nya, maka ke manakah

kamu akan berpaling?" (*Sūrah Fāṭir*

ayat 2-3).

Naḡa'ani Allāhi wa iyyāka min biḥudā kitābuhu.

Aqūlu qawlī hadhā wa astaghfiru Allāh

al-'azīm lī wa lakum, wa lisā'iri al-muslimīn

min kulli dhanbi, fa astaghfirūhu innahu huwa

al-ḡhafūr al-rahīm.

Dipetik dari:

Majalah Akhbar al-'Ālam al-Islāmī.

Buku-buku Panduan Sembahyang

* Mari sembahyang (lelaki)	\$1.20
* Mari sembahyang (wanita)	\$1.20
* Pelajaran sembahyang I (lelaki tulisan Rumi dan Jawi)	\$1.20
* Pelajaran sembahyang II (lelaki tulisan Rumi dan Jawi)	\$1.60
* Pelajaran sembahyang (wanita tulisan rumi)	\$1.80

Tiap-tiap bacaan sembahyang, ayat-ayat lazim, zikir dan doa lepas sembahyang ditulis dengan huruf Arab berbaris dan Rumi serta diterangkan maknanya satu-persatu dengan jelas.

Belanja pos 20 sen.

Pesanlah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.